



# KERTAS 3 (SEJARAH SPM 2016)

*Bahan ini ditulis oleh Cikgu V.Chandranth juga dikenali sebagai Cikgu CK sebagai bahan tambahan kepada pelajar SPM untuk menjawab kertas 3 (SPM 2016). Cikgu CK merupakan penulis buku rujukan daripada Oxford Fajar dan kini melanjutkan pelajaran dalam bidang PHD (Sejarah Malaysia). Pertanyaan: v.chandranth@yahoo.com*

## BAB 9 – MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

### 9.1 Konflik Antarabangsa

#### Pengenalan:

1. Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua merupakan konflik antarabangsa yang berlaku pada pertengahan abad ke-20.
2. Konflik ini telah meninggalkan kesan besar terhadap sejarah dunia.

#### Perang Dunia Pertama (1914-1918)

##### Faktor-faktor

1. Perang Dunia pertama berlaku disebabkan oleh faktor politik dan ekonomi.
2. Munculnya nasionalisme dalam kalangan rakyat di Eropah.
3. Penghujung abad ke-19, negara-negara kecil di Eropah telah bersatu dan membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar seperti Itali dan Jerman.
4. Itali dan Jerman menyertai kuasa besar Eropah yang lain seperti Britain, Perancis, Austria-Hungary dan Rusia yang berusaha untuk mendapatkan tanah jajahan.
5. Nasionalisme yang kuat telah mencetuskan perang dalam kalangan kuasa-kuasa besar.
6. Berlakunya persaingan kuasa-kuasa besar dalam merebut peluang ekonomi.
7. Imperialisme baru yang wujud telah menyebabkan berlakunya persaingan dalam kalangan kuasa Eropah bagi membentuk lingkungan pengaruh bagi mendapatkan bahan mentah dan memasarkan barangan siap mereka.
8. Munculnya sistem pakatan negara-negara Eropah merangkumi Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
9. Perikatan Kuasa Tengah terdiri daripada negara Jerman, Austria-Hungary, dan Itali. Kemudian disertai Turki dan Bulgaria. Pakatan Bertiga terdiri daripada British, Perancis dan Russia. Kemudiannya disertai Itali dan Jepun.
10. Persaingan antara Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga telah mengancam perimbangan dunia yang wujud pada ketika itu.
11. Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand pada 28 Jun 1914 oleh seorang penganas Serbia dianggap sebagai faktor segera tercetusnya Perang Dunia Pertama.

**Peristiwa**

1. Austria mengisytiharkan perang terhadap Serbia.
2. Jerman menyokong Austria menyerang Serbia yang disokong oleh Rusia dan Perancis. Jerman menyerang Perancis melalui Belgium iaitu sebuah negara berkecuali. Serangan ke atas Perancis melalui Belgium telah menimbulkan kemarahan Britain. Britain yang bermusuhan dengan Jerman turut terlibat dalam peperangan ini.
3. Britain meminta bantuan Amerika Syarikat.
4. Serangan Jerman terhadap kapal dagang Amerika Syarikat menyebabkan Amerika Syarikat juga turut serta dalam peperangan tersebut.
5. Peperangan tersebut dimenangi oleh Pakatan Bertiga.

**Kesan Perang**

1. Dari segi politik, pemerintahan beraja di Eropah telah ditamatkan. Maharaja Jerman digulingkan dan dibuang negeri. Jerman menjadi republik.
2. Persidangan damai diadakan pada bulan Jun 1919 dan termeterinya Perjanjian Versailles.
3. Perjanjian Versailles telah mengubah peta Eropah dan membentuk beberapa buah negara baru seperti Yugoslavia, Latvia dan Finland.
4. Perjanjian ini telah membentuk Liga Bangsa yang menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa serta keselamatan bersama.
5. Liga Bangsa terdiri daripada Negara-negara Berkecuali dan negara-negara bersekutu kecuali Amerika Syarikat.
6. Liga Bangsa gagal menjamin kesejahteraan dunia.
7. Dari segi ekonomi, berlaku inflasi dan hutang disebabkan perbelanjaan perang yang terlalu besar.
8. Perang ini menelan perbelanjaan yang besar. Pakatan Bertiga membelanjakan US\$125 billion. Perikatan Kusan Tengah membelanjakan US\$ 60 billion.
9. Amerika Syarikat dan Jepun mula menguasai pasaran dunia.
10. Britain mengalami kerugian dan kehilangan satu pertiga daripada perdagangan luarnya.
11. Dari segi sosial, banyak berlaku kehilangan nyawa.

**Perang Dunia Kedua (1939-1945)****Faktor-faktor**

1. Kegagalan Perjanjian Versailles mengatasi masalah perang Dunia Pertama.
2. Perubahan politik di Jerman. Pemimpin Jerman tidak berpuas hati dengan Perjanjian Versailles kerana dipaksa membayar pampasan perang yang tinggi, kehilangan tanah jajahan serta jumlah angkatan tentera dikurangkan.
3. Munculnya Adolf Hitler yang berjaya menguasai pemerintahan Jerman melalui partinya National Socialist.
4. Hitler telah mengingkari Perjanjian Versailles dengan membina angkatan tentera yang besar.

5. Di Russia, Vladimir Lenin telah mengukuhkan ideologi komunis di Rusia dengan bantuan tentera dari Amerika Syarikat, Britain, Perancis, dan Jepun. Setelah Lenin meninggal dunia tempatnya digantikan oleh Joseph Stalin.
6. Di Itali, Benito Mussolini telah menjajah Habsyah dan menceroboh Perancis pada 1935 dan 1940.
7. Di Timur, Jepun berhasrat untuk menguasai negaranegara Timur dengan tujuan untuk membebaskan negara-negara ini dari penjajahan barat.
8. Dari segi ekonomi, berlaku kemelesetan ekonomi pada awal tahun 1930-an.
9. Kemelesetan ekonomi di Amerika Syarikat menyebabkan bantuan pinjaman kepada Jerman terpaksa dihentikan.
10. Negara Eropah seperti Britain, Perancis, dan Itali terpaksa mengurangkan jumlah peruntukan ketenteraan.
11. Jerman menguatkan ketenteraan dan menjalankan perluasan kuasa bagi mengalih perhatian rakyatnya dari masalah ekonomi. Begitu juga Jepun.

### Peristiwa

1. Perang Dunia Kedua berlaku selepas Jerman menyerang Poland dari Barat dan USSR menyerang Poland dari Timur.
2. Britain dan Perancis mengisytiharkan perang ke atas Jerman.
3. Jepun pula bertindak menyerang Pearl Harbour secara mengejut pada 7 Disember 1941 dan memusnahkan angkatan perang Amerika Syarikat di Lautan Pasifik.
4. Jepun menduduki Tanah Melayu dan Singapura setelah berjaya mengalahkan Britain pada September 1942.
5. Terdapat dua pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua, iaitu Kuasa Bersekutu (Britain, Perancis, dan Rusia), dan Kuasa Paksi (Jerman, Itali, dan Jepun).
6. Kuasa Bersekutu berjaya mengalahkan Jerman pada Mei 1945 dan Jepun pada 6 Ogos 1945.
7. Di Jepun, dua bom atom dijatuhkan di bandar Hiroshima dan Nagasaki pada 6 dan 8 Ogos 1945.

### Kesan

1. Negara Jerman berpecah menjadi dua bahagian, iaitu Jerman Barat dan Jerman Timur.
2. Sistem imperialisme di Barat mengalami keruntuhan menyebabkan tanah jajahan mencapai kemerdekaan melalui kuasa-kuasa besar.
3. Amerika Syarikat memberi kemerdekaan kepada Filipina dan Indonesia daripada Belanda, manakala India dan Tanah Melayu daripada Britain.
4. Negara-negara baru tersebut menghadapi masalah warisan ekonomi penjajah dan usaha membangunkan ekonomi di negara masing-masing.
5. Dari segi sosial, banyak nyawa yang terkorban.
6. Penubuhan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada bulan Oktober 1945 bagi menggantikan Liga Bangsa.
7. Kemunculan Blok Dunia dan Perang Dingin.

**Blok Dunia**

1. Blok dunia dan Perang Dingin muncul disebabkan oleh kepincangan yang berlaku dalam siri rundungan perdamaian Perang Dunia Kedua.
2. Blok dunia adalah usaha negara-negara sehaluan bersatu dan bertindak demi kepentingan bersama.
3. Blok dunia muncul melalui pelbagai bentuk, iaitu ekonomi, politik, dan geografi.
4. Blok dunia yang terbentuk semasa Perang Dingin berasaskan geopolitik.

**Perang Dingin**

1. Ideologi dan fahaman politik yang berbeza telah mencetuskan persaingan kuasa di antara Blok
2. Kapitalis yang diketuai Amerika Syarikat dan Blok Komunis yang diketuai Soviet Union.
3. Kedua-dua blok ini memperluas pengaruh dan memajukan kepentingan di Eropah dan Asia melalui propaganda, bantuan ekonomi, dan ketenteraan bagi membuktikan kekuatan masing-masing.

**Ciri-Ciri**

1. Tidak berlaku sebarang konflik bersenjata
2. Kedua-dua blok cuba membuktikan kekuatan masing-masing
3. Bersaing melalui propaganda, bantuan ekonomi dan ketenteraan

**Negara-negara Dunia Ketiga**

1. Negara-negara Dunia Ketiga mengamalkan sikap berkecuali, namun kedua-dua blok ini cuba mempengaruhi pegangan Negara Dunia Ketiga melalui bantuan pertahanan dan ekonomi.

**Kesan Perang Dingin**

1. Perang Dingin yang berlaku telah membentuk blok dunia, Penubuhan NATO, Pakatan Warsaw, Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara (SEATO) serta perlumbaan senjata.
2. Berlaku juga perubahan dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial di negara-negara Eropah, Asia, Afrika, Asia Barat, dan Amerika Latin.
3. Perbandingan ideologi di antara Blok Kapitalis dan Blok Komunis
4. Politik  
 Kapitalis: Negara Demokratik. Pemilihan kerajaan melalui pilihan raya.  
 Komunis: Pemerintahan oleh diktator. Parti Komunis sahaja diktiraf.
5. Ekonomi.  
 Kapitalis: Peluang perniagaan dan pemilikan persendirian.  
 Komunis: Perniagaan dimiliki dan diuruskan oleh kerajaan sahaja
6. Sosial  
 Kapitalis: Kebebasan individu sepenuhnya  
 Komunis: Kebebasan individu dilindungi dan dikawal

## 9.2 Peranan dan Sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa

### Pengenalan & Matlamat

1. Malaysia mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara dengan tujuan:
  - Menjamin keselamatan rakyat dan negara.
  - Memelihara kepentingan sosial dan mengekalkan kedaulatan negara.
  - Menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi.
  - Mengekalkan keamanan sejagat melalui kerjasama antarabangsa.
2. Malaysia juga ingin menjadi warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia.

### Bentuk Hubungan Luar Malaysia

1. Malaysia mengamalkan hubungan berbentuk bilateral dan multilateral.
 

**Bilateral** - Bilateral merujuk kepada hubungan terus dengan negara-negara seperti negara jiran (Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam), negara Asia (Amerika Latin, Afrika, Asia Barat) serta negara maju (Amerika Syarikat dan Britain).
2. **Multilateral** - Multilateral adalah hubungan dalam bentuk kumpulan dan pertubuhan seperti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara, Komanwel, Pertubuhan Persidangan Islam, dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali.

### Asas-asas Pengubalan Dasar Luar Malaysia (Faktor-faktor)

Dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh faktor sejarah, politik, geografi, dan demografi.

#### Faktor Sejarah

1. Jalinan hubungan perdagangan semasa Zaman Kesultanan Melayu Melaka
2. Hubungan diplomatik dengan Britain dan negara-negara Komanwel.

#### Faktor Ekonomi

1. Hubungan ekonomi dengan negara maju seperti Britain dan Amerika Syarikat untuk memajukan ekonomi.
2. Malaysia pengeluar utama bijih timah dan getah. Mengharapkan modal dan pasaran dari negara maju.
3. Malaysia mengambil beberapa langkah untuk pelaburan asing bagi meningkatkan ekonomi negara dan seterusnya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan.
4. Melalui Dasar Pandang Ke Timur, pelaburan asing digalakkan dari Jepun dan Korea.
5. Menjalinkan hubungan dengan negara membangun dan negara Islam untuk meningkatkan pasaran barangan dan melabur di negara berkenaan

#### Faktor Politik

1. Mengamalkan prinsip-prinsip keamanan sejagat.
2. Menekankan kepada pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain.
3. Menyokong Palestin untuk mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat
4. Berpegang kepada prinsip dan piagam PBB bagi memelihara keamanan dunia.
5. Menyokong semua resolusi yang diambil PBB bagi mencapai dan mengekalkan keamanan dunia.

**Faktor Geografi**

1. Kedudukan strategik di Asia Tenggara.
2. Bersempadan dengan Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei dan Filipina.
3. Perairan negara menjadi laluan kapal dagang antarabangsa.
4. Keselamatan negara serantau akin mempengaruhi dan meninggalkan kesan kepada keselamatan negara.

**Faktor Demografi**

1. Hubungan diplomatik dengan negara-negara yang penduduknya majoriti beragama Islam.
2. Tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel kerana negara itu menceroboh dan menindas penduduk Palestin.
3. Kebebasan kepada penduduk pelbagai kaum untuk mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing.
4. Menentang Dasar Apartheid yang diamalkan oleh Afrika Selatan.

**Perkembangan Dasar Luar Malaysia****Pengenalan**

1. Sejak mencapai kemerdekaan, dasar luar Malaysia sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan perkembangan dunia.
2. Dalam menentukan dasar luar negara, perkembangan semasa memainkan peranan penting. Pengaruh komunis yang begitu kuat dan perkembangan dunia yang sedang menghadapi era Perang Dingin merupakan faktor yang perlu diambil kira.
3. Perkembangan dasar luar Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga tahap.
4. Tahap pertama di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman (1957 – 1970), tahap kedua di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak (1972 – 1976 ) dan Tun Hussein Onn (1976 – 1981).
5. Pada tahap ketiga, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981 – 2003) merupakan pemimpin yang bertanggungjawab.

**Tahap Pertama**

1. Pada tahap pertama, Malaysia mengamalkan dasar pro-Barat yang antikomunis serta berbaik-baik dengan negara jiran dan Komanwel.
2. Dasar ini dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman (1957-1970) berdasarkan kepada faktor politik, ekonomi, dan sosial.
3. Faktor politik yang berkaitan dengan ancaman komunis di Asia Tenggara serta Parti Komunis Malaya di dalam negara, mendorong Malaysia meminta bantuan dari negaranegara Komanwel, iaitu Britain, Australia, dan New Zealand.
4. Sebagai usaha untuk menyekat perkembangan pengaruh komunis, satu perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu (AMDA) dilaksanakan pada tahun 1956.
5. Melalui perjanjian ini, British akan memberi bantuan sekiranya Malaysia diserang oleh mana-mana negara.
6. Malaysia juga menjalankan dasar berbaik-baik dengan negara jiran melalui beberapa perjanjian:

- Perjanjian dengan Thailand dan Filipina melalui pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961.
  - Perjanjian MAPHILINDO pada tahun 1962 bersama Indonesia dan Filipina.
  - Perjanjian ASEAN pada tahun 1967 bersama Thailand, Indonesia, Filipina, dan Singapura.
- 7.** Dari segi ekonomi, Malaysia amat bergantung kepada Britain kerana:
- Malaysia terlibat dalam anggota blok sterling dalam menjalankan perdagangan melalui nilai mata wang paun sterling.
  - Malaysia memberi tumpuan pada hasil bijih timah dan getah kerana permintaan dari negara Barat seperti Britain.
  - Britain masih menguasai ekonomi Malaysia melalui sistem perladangan dan perindustrian.
- 8.** Malaysia membina rangkaian dagangan dengan Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Jerman bagi mengurangkan pergantungan serta mencari pasaan baru.

### **Tahap Kedua**

1. Malaysia mengamalkan dasar berkecuali dan terbaik-baik dengan semua negara.
2. Dasar Malaysia berubah kerana kurangnya peranan AMDA serta pengaruh Britain di Timur.
3. Selain itu, disebabkan juga oleh pergolakan di Vietnam yang melibatkan dua buah kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan China.
4. Dalam mencapai matlamat dasar luar, Malaysia mengisytiharkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dengan negara anggota ASEAN.
5. Malaysia juga menjalin hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis, iaitu China, Jerman Timur, Korea Utara, Vietnam Utara, dan Mongolia.
6. Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam pada tahun 1976.
7. Malaysia mengatasi masalah pelarian Vietnam dengan bantuan negara jiran.

### **Tahap Ketiga**

1. Malaysia menekankan kepada kepentingan ekonomi yang berkaitan dengan isu-isu perdagangan, pelaburan, dan pembangunan dalam kalangan negara membangun.
2. Malaysia mengadakan hubungan dengan negara-negara ASEAN, misalnya melalui penyelesaian masalah krisis Vietnam dan Kampuchea.
3. Mengamalkan Dasar Pandang ke Timur melalui Jepun dan Korea Selatan dengan mengambil dan menerima pakai nilai-nilai murni seperti semangat cinta akan negara, kesungguhan dalam pekerjaan serta etika pengurusan kerja yang baik.
4. Mengadakan hubungan dua hala melalui lawatan ke negara Afrika, Amerika Selatan, Caribbean, dan Pasifik Selatan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohammad. Dalam lawatan tersebut, misi perdagangan serta perjanjianperdagangan dua hala yang menguntungkan dititikberatkan.

## Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa

### Pengenalan

1. Malaysia terlibat dalam pertubuhan antarabangsa seperti Komanwel, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Kumpulan Selatan-Selatan, dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

### Komanwel

1. Ditubuhkan pada tahun 1931 yang terdiri dari negara bekas jajahan Britain yang telah merdeka.
2. Terdiri dari 54 buah negara maju dan negara sedang membangun.
3. Sekretariat Komanwel ditubuhkan pada tahun 1965 dan beribu pejabat di London.
4. Penubuhannya bertujuan untuk membina semangat setia kawan antara negara anggota serta mewujudkan kerjasama dalam segala bidang.

### Faedah yang diperolehi oleh Malaysia melalui Komanwel

1. Selepas merdeka, Komanwel bertindak membantu Malaysia memelihara keamanan serta kedaulatan negara melalui sekatan terhadap pengaruh Parti Komunis Malaya.
2. Perjanjian AMDA menjanjikan bantuan kepada negara kita sekiranya diserang musuh semasa berkonfrantasi dengan Indonesia.
3. Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) diadakan dua tahun sekali bagi membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan bersama.
4. Pada tahun 1989, mesyuarat CHOGM mengisytiharkan Deklarasi Langkawi.
5. Eksport Malaysia ke negara-negara Komanwel terutamanya Britain dikenakan cukai yang rendah.
6. Rancangan Colombo menyediakan bantuan teknikal dan bisasiswa dalam bidang pendidikan.

### Sumbangan Malaysia dalam Komanwel

1. Tuan rumah CHOGM pada tahun 1989.
2. Bersuara lantang menentang Dasar Apartheid di Afrika Selatan.
3. Malaysia berjaya menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998.

### Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

1. PBB ditubuhkan pada tahun 1945 selepas Liga Bangsa dibubarkan kerana gagal menghalang berlakunya Perang Dunia Kedua.
2. Ibu pejabat PBB terletak di San Francisco, kemudian berpindah ke New York pada tahun 1946.
3. PBB dianggotai oleh 51 buah negara anggota, kemudian meningkat pada 189 buah negara pada tahun 2002.
4. Malaysia menyertai PBB pada tahun 1957 selepas negara mencapai kemerdekaan.
5. **PBB menekankan empat prinsip dalam piagamnya**
  - Menjamin keamanan dan keselamatan dunia.
  - Menggalakkan hubungan berbaik-baik antara negara anggota.

- Bekerjasama dalam menyelesaikan masalah antarabangsa dan melindungi hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, agama, dan warna kulit.
- Menjadi pusat bagi mengharmonikan tindakan negara-negara anggota.

### **Sumbangan Malaysia kepada PBB**

#### **Menyelesaikan konflik antarabangsa**

1. Pada tahun 1960, Malaysia menyertai pasukan pendamai untuk menamatkan perang saudara di Congo.
2. Pada tahun 1989, Malaysia mewakili pasukan pengaman PBB ke Namibia untuk membantu negara tersebut mencapai kemerdekaan.
3. Pada tahun 1990, Malaysia menghantar pasukan pemerhati ke sempadan Iran-Iraq; dan Kampuchea serta pasukan pengaman ke Bosnia.
4. Malaysia menentang Dasar Aparteid di Afrika Selatan dan mahu Benua Antartika menjadi warisan dunia dan hak milik semua negara.

#### **Dari segi ekonomi**

1. Malaysia menjadi ahli Bank Dunia (Bank Antarabangsa) yang ditubuhkan oleh PBB pada tahun 1945.
2. Bank ini ditubuhkan untuk membantu negara-negara sedang membangun dari segi kewangan, dan menyusun semula pembangunan ekonomi negara tersebut.
3. Kemasukan pelabur-pelabur asing diharap dapat membasmi kemiskinan dan menyediakan peluang pekerjaan.
4. Malaysia menggunakan Bank Dunia dalam menjayakan rancangan Lembaga Pembangunan Kemajuan Tanah (FELDA) dan membangunkan prasarana pendidikan dan penyelidikan.

#### **Dari segi sosial**

1. Malaysia berpendirian teguh memerangi gejala penyalahgunaan dadah.
2. Hasil usul Malaysia, satu persidangan antarabangsa diadakan di Vienna (Austria) pada Jun 1987 dengan Perdana Menteri sebagai Yang Dipertua persidangan.
3. Malaysia bekerjasama dengan menyertai beberapa agensi PBB seperti:
  - Kerjasama dalam bidang pengeluaran makanan melalui agensi Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO).
  - Kerjasama dalam bidang perubatan dan kesihatan melalui Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).
  - Kerjasama dalam bidang sains dan teknologi melalui pertubuhan Pendidikan dan Budaya Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)
4. Malaysia menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB bagi tahun 1965, 1989, dan 1999.
5. Tan Sri Razali Ismail dilantik sebagai wakil khas PBB menjadi pengerusi Perhimpunan Agung PBB dan dalam menyelesaikan konflik politik negara Myanmar.
6. Malaysia menjalankan usaha menyelesaikan masalah Palestin dengan menganjurkan persidangan antarabangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur.

### Negara-Negara Selatan

1. Negara-Negara Selatan atau Negara-negara Dunia Ketiga mempunyai persamaan dari segi ekonomi, bekas tanah jajahan kuasa Barat.
2. Bergantung kepada negara maju dalam pemasaran bahan mentah.
3. Kurangnya kepakaran dan modal untuk memproses bahan mentah menjadi barangan siap.
4. Peggantungan kepada kuasa Barat membawa kepada syarat perdagangan yang tidak adil terhadap kawalan harga bahan mentah dan kadar faedah yang tinggi terhadap pinjaman.
5. Tujuan penubuhannya adalah untuk mengatasi harga eksport bahan-bahan mentah dan meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal dalam kalangan negara-negara anggota tanpa pengantungan terhadap negara maju.
6. Malaysia berperanan penting dalam penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan. Strateginya ialah melalui penubuhan kumpulan 15 (G15) pada tahun 1989.
7. Idea ini dikemukakan oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam sidang kemuncak NAM di Zimbabwe tahun 1987.
8. Dalam sidang kemuncak G15 di Kuala Lumpur tahun 1990, beberapa projek telah dirancang
  - Menubuhkan pusat pertukaran data pelaburan perdagangan dan teknologi selatan (SITTDEC) di Kuala Lumpur.
  - Menubuhkan sistem keistimewaan perdagangan global (GSTP).
  - Menubuhkan kemudahan kredit dan mekanisma kewangan pembiayaan perdagangan.

### Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)

1. NAM ditubuhkan pada September 1961 yang terdiri daripada negara-negara membangun di Asia, Afrika, dan Amerika Selatan.
2. NAM terdiri dari 113 buah negara, 16 sebagai pemerhati, 28 sebagai tetamu jemputan.
3. Tujuan NAM ditubuhkan adalah untuk mengekalkan keamanan dunia tanpa menyokong Blok Kapitalis atau Blok Komunis.
4. Malaysia melibatkan diri pada tahun 1970 selepas berlakunya pertukaran dasar luar Malaysia dari pro-Barat dan antikomunis kepada dasar berbaik-baik dengan semua negara.
5. **Prinsip NAM**
  - Mengelak campur tangan asing dalam hal ehwal sesebuah negara.
  - Menghormati kedaulatan sesebuah negara.
  - Menyelesaikan sebarang pertelingkahan antara negara Malaysia melalui perundingan dan persefahaman.
  - Menghormati hak asasi manusia.

### Sumbangan Malaysia dalam NAM

1. Pada sidang kemuncak ketujuh di New Delhi tahun 1984, Malaysia melalui usul membela kepentingan negara-negara sedang membangun tentang isu Palestin, kerjasama ekonomi, dan isu benua Antartika.
2. Sidang Kemuncak Kelapan di Harare (Zimbabwe) Malaysia mencadangkan Dasar Aparteid di Afrika Selatan dihapuskan.

3. Pada tahun 1989, Malaysia menerima penghormatan sebagai Naib Presiden melalui sidang kemuncak NAM di Belgrade, Yugoslavia.
4. Malaysia dilantik menjadi ahli kumpulan 16 melalui isu kerjasama politik negara anggota.
5. Pada tahun 2003 Malaysia menjadi tuan rumah pada sidang kemuncak NAM ke-13
  - Terdapat 63 negara ahli, 31 ketua negara, 32 ketua kerajaan.
  - Berjaya menarik dua negara anggota baru, Timur Leste dan Pulau Catalina.
  - Berjaya menganjurkan satu mesyuarat tidak rasmi OIC.
  - Usaha menghidupkan NAM.
  - Mengeluarkan pernyataan bersama tentang kedudukan Palestin dan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

### **Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)**

1. OIC ditubuhkan pada tahun 1971 melalui idea Tunku Abdul Rahman dan berpusat di Jeddah Arab Saudi.
2. Terdiri daripada 57 buah negara dan 3 negara lagi sebagai pemerhati.
3. OIC bertujuan untuk mengeratkan hubungan sesama negara Islam, mengekalkan perdamaian dalam segala persengketaan, dan memastikan tempat-tempat suci Islam dihormati dan tidak dicemari.
4. OIC membantu negara Islam dengan menghantar pasukan perubatan ke Lubnan, Bosnia, dan Afghanistan.
5. Sumbangan OIC kepada negara-negara anggota
  - Bantuan kepada negara Islam yang menghadapi masalah seperti menghantar pasukan perubatan ke Lubnan, Bosnia dan Afghanistan.
  - Bantuan kewangan diberi kepada negara kurang maju seperti Sudan, Nigeria, dan Chad.
  - Menubuhkan Bank Pembangunan Islam supaya dapat menyalurkan perkhidmatan kewangan kepada negara anggota.

### **Sumbangan Malaysia kepada OIC**

1. Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai setiausaha agung OIC yang pertama.
2. Menyokong rakyat Palestin dalam mendapatkan semula tanah mereka dari Israel.
3. Pada tahun 1974 dan tahun 2003, Malaysia menjadi tuan rumah persidangan OIC.
4. Pada tahun 2002, Malaysia menganjurkan persidangan menentang pengganas di negara Islam.
5. Tawaran biasiswa diberi kepada pelajar negara OIC semasa belajar di UIAM.
6. Malaysia menyarankan dinar emas digunakan dalam urusan perdagangan dalam kalangan negara Islam.
7. Malaysia mendapat penghormatan kerana serius dalam memperjuangkan hak dan kebajikan negara-negara Islam.

### **Faedah yang diperolehi Malaysia dalam OIC**

1. OIC membantu Malaysia dalam menubuhkan UIAM
2. Mendapat pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam bagi menjalankan projek-projek untuk kepentingan rakyat.

### **Malaysia dalam Pertubuhan Serantau**

1. Terdapat 3 pertubuhan yang dibentuk iaitu ASA tahun 1961, MAPHILINDO 1963, dan ASEAN 1967.

### **Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA)**

#### **Pengenalan:**

1. ASA ditubuhkan untuk membendung pengaruh dan gerakan PKM melalui kerjasama dengan negara-negara jiran.
2. Menjalinkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial.
3. Ditubuhkan pada 31 Julai 1961 melalui mesyuarat di Bangkok dengan kerjasama Malaysia, Thailand, dan Filipina

#### **Matlamat ASA**

1. Menjalankan kerjasama dalam kalangan negara anggota dalam bidang ekonomi, sains, dan sosial.
2. Memberikan dan menyediakan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi dalam kalangan negara anggota.
3. Mengekalkan serta menjamin keselamatan dan kestabilan politik negara-negara serantau.
4. ASA dibubarkan pada tahun 1963 kerana dianggap sebagai antipemerintahan Soekarno di Indonesia.
5. Kesangsian juga timbul kerana Malaysia mempunyai perjanjian pertahanan dengan Britain manakala Thailand dan Filipina mempunyai perjanjian pertahanan dengan Amerika Syarikat.
6. Pertelingkahan berterusan di antara Malaysia dengan Filipina berlainan penubuhan Malaysia juga menyebabkan ASA dibubarkan.

### **MAPHILINDO (Malaysia, Filipina, dan Indonesia)**

1. MAPHILINDO ialah gabungan tiga buah negara iaitu Malaysia, Filipina, dan Indonesia.
2. Matlamat MAPHILINDO adalah untuk meningkatkan perhubungan persahabatan dalam menyelesaikan pertelingkahan antara Malaysia-Filipina dan Malaysia-Indonesia berkaitan penubuhan Malaysia.
3. Indonesia tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia kerana dianggap sebagai neokolonialisme atau penjajahan bentuk baru. Filipina ingin menuntut Sabah menjadi hak milik mereka.
4. Sebagai langkah penyelesaian, Malaysia mengadakan rundingan yang membawa kepada pembentukan MAPHILINDO
5. Ketiga-tiga negara mencapai kata sepakat untuk memohon bantuan PBB.
6. Melalui PBB, Lawrence V. Michaelmore dihantar ke Sabah dan Sarawak bagi meninjau pendapat rakyat di sana mengenai penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.
7. Hasilnya, majoriti penduduk di Sabah dan Sarawak menyokong pembentukan Malaysia.
8. Filipina dan Indonesia tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan terus menentang penubuhan Malaysia dan menyebabkan MAPHILINDO tidak berperanan lagi.

## ASEAN (Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara)

### Pengenalan

1. ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 melalui Deklarasi Bangkok.
2. ASEAN terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, dan Singapura kemudian ditambah anggotanya menjadi 10, iaitu Vietnam, Myanmar, Brunei, Laos, dan Kampuchea.
3. Negara Papua New Guinea dilantik sebagai pemerhati kerana bersempadan dengan Indonesia tetapi bukan di dalam zon Asia Tenggara.

### Matlamat ASEAN

1. Mengekalkan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara.
2. Membantu antara satu sama lain dalam bidang ekonomi, sosial, dan kebudayaan.
3. Meningkatkan taraf hidup penduduk melalui kerjasama dalam bidang pertanian, perdagangan, dan perindustrian.
4. Memberikan kerjasama dan membantu dalam bentuk latihan dan penyelidikan.
5. Mengadakan hubungan yang erat dengan persatuan atau pertubuhan serantau dan antarabangsa.

### Kejasama ASEAN

1. Melalui mesyuarat menteri-menteri luar ASEAN pada November 1971, Deklarasi Kuala Lumpur dilaksanakan dengan mengisytiharkan ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas, dan Berkecuali (ZOPFAN)
2. ZOPFAN bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di Asia Tenggara dengan tidak bersekongkol dengan mana-mana Blok Barat atau Blok Timur bagi mengelakkan campur tangan kuasa-kuasa besar.
3. Pada tahun 1984, Menteri-menteri Luar mengisytiharkan ASEAN sebagai zon bebas senjata nuklear, iaitu tidak membenarkan kapal-kapal menggunakan perairan dan kemudahan pelabuhannya untuk mengangkut bahan atau senjata nuklear.
4. Membentuk kerjasama dalam projek-projek perindustrian, iaitu projek baja urea di Bintulu (Sarawak) dan Aceh (Indonesia).
5. Pada tahun 1992, AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas) diumumkan dalam kemuncak ASEAN di Singapura.
6. Memperluas sikap kerjasama ekonomi dengan negara China, Jepun, dan Korea Selatan atau Perundingan Ekonomi Asia (EAEC). Idea ini dikemukakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad tetapi ditentang oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat.
7. Kerjasama secara tidak rasmi diteruskan melalui konsep ASEAN + 3 yang merujuk kepada kerjasama antara negara ASEAN dengan China, Jepun dan Korea. Menteri-menteri luar negara-negara tersebut dijemput menghadiri siri perbincangan tentang kerjasama yang ingin diwujudkan.
8. Mewujudkan kerjasama dalam bidang pendidikan melalui Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO). Sebuah Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RECSAM) ditubuhkan di Pulau Pinang.

9. Dalam bidang kebudayaan dan sosial, mengadakan Festival Kebudayaan dan Kesenian dengan menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN.
10. Mengadakan Sukan SEA bagi merapatkan a hubungan antara negara melalui semangat kesukanan.
11. Dalam bidang pelancongan, pada tahun 1992 telah dilancarkan Tahun Melawat ASEAN.



#### **KESIMPULAN**

1. Dasar luar Malaysia mengutamakan kesejahteraan dan keamanan serantau dan antarabangsa telah memberikan kesan positif kepada Malaysia.
2. Ketokohan para pemimpin Malaysia jelas terbayang melalui dasar luar yang diamalkan.
3. Dasar luar yang dinamik seperti ini diperlukan agar Malaysia dapat bersiap sedia menanggapi cabaran semasa dan akan datang.
4. Malaysia perlu mengadakan perubahan yang pesat dan pantas di dalam negeri melalui dasar luar negaara yang inovatif agar terus dapat bersaing pada peringkat antarabangsa.

## **Cabaran Masa Depan**

### **Pengenalan**

1. Penciptaan teknologi memainkan peranan penting dalam sejarah dunia sehingga hari ini yang memperliatkan hubungan antarabangsa menjadi lebih giat.
2. Pada masa kini muncuknya revolusi teknolohi maklumat yang membawa perubahan besar kepada kehisupan kita.
3. Malaysia membuat perancangan awal bahi menghadapi perubahan ini agar dapat bersaing dengan negara lain.

### **Globalisasi**

1. Merujuk kepada perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan.
2. Segala aspek penting dari segi ekonomi dan sosial seperti barangan, modal, tenaga manusia, kemahiran, dan nilai menyeberangi sempadan dalam masa yang begitu singkat.
3. Perubahan dihubungkan dengan kemajuan teknologi khususnya teknologi maklumat dan komunikasi.
4. Kebaikan globalisasi:
  - Kunci kepada pembangunan ekonomi dunia pada masa depan
5. Keburukan globalisasi:
  - Meningkatkan jurang antara bandar dengan luar bandar.
  - Meningkatkan jurang antara negara maju dengan negara membangun
  - Menyekat peluang pekerjaan
  - Merendahkan taraf hidup
  - Masalah sosial

### **Teknologi Maklumat dan Komunikasi/Information and Communication Technology (ICT)**

1. Merujuk kepada kaedah serta peralatan yang membolehkan proses komunikasi berlaku dengan pantas, mudah dan berkesan tanpa mengira sempadan.
2. Alatan seperti komputer, internet, telefon mudah alih dan kos pengangkutan yang murah menjadi pemangkin kepada hubungan sesama manusia antara sebuah negara dengan negara lain.
3. Inovasi teknologi telah membawa perubahan yang luas dalam masa yang singkat.
4. Malaysia menyediakan prasarana bagi merebut peluang serta faedah yang dihasilkan.
5. Malaysia menjalankan pelbagai langkah untuk mempromosikan ICT.
6. Merancang pembinaan prasarana ICT seperti yang terdapat dalam Wawasan 2020
7. Kerajaan melancarkan Koridor Raya Multimedia/Mutimedia Super Corridor (MSC).
8. Memulakan e-pendidikan, pemasaran tanpa sempadan, e-dagang dan penyiaran digital.

### **Koridor Raya Multimedia (MSC)**

1. Kerajaan telah memperuntukkan belajawan Sebanyak RM5.2 billion bagi projek berasaskan ICT.
2. RM1 bilion daripada peruntukkan itu diagihkan untuk program luar bandar.
3. Malaysia melancarkan projek Korodor Raya Multimedia (MSC) pada 27 Jun 1998.

4. MSC merangkumi KLCC hingga KLIA.
5. Tujuan MSC ialah:
  - Memantapkan sepenuhnya perkembangan teknologi maklumat dan multimedia global
  - Melahirkan masyarakat yang bermaklumat.

### **K-ekonomi**

1. Ekonomi berlandaskan pengetahuan atau knowledge-based ekonomi
2. Merujuk kepada keupayaan seseorang untuk menggunakan ilmu pengetahuan bagi mencipta satu nilai baru yang dapat membawa kemajuan.
3. Pada era k-ekonomi, teknologi dan industri berasaskan ilmu pengetahuan merupakan penerak utama dalam menjana keuntungan, kemajuan perniagaan, peluang pekerjaan, serta perkongsian pintar.
4. Bagi menjayakan ini, sumber paling berharga ialah modal intelek dan pekerja yang berpengetahuan.
5. Inovasi merupakan kunci utama yang menentukan kejayaan k-ekonomi dan ini boleh dicapai melalui penyelidikan dan pembangunan atau research and development (R&D).
6. Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar kepada penyelidikan dan pembangunan dalam usaha menggalakkan penciptaan baru dan pendaftaran paten.
7. Kerajaan sentiasa menggalakkan rakyatnya supaya menggunakan segala penemuan baru dalam usaha meningkatkan tahap kemajuan bangsa dan negara.

### **K-masyarakat**

1. Merujuk kepada masyarakat yang sentiasa berusaha membaiki dan memperkaya diri dengan pengetahuan agar terus dapat bersaing.
2. K-masyarakat dan k-ekonomi selari dengan Wawasan 2020 yang berusaha mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan saintifik.
3. Ini selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.
4. Prasarana k-masyarakat telah dibangunkan oleh kerajaan secepatnya melalui pendidikan iaitu:
  - Sekolah wawasan bagi memupuk perpaduan melalui interaksi murid pelbagai kaum yang dapat meningkatkan daya saing.
  - Sekolah bestari dilengkapi dengan prasarana teknologi maklumat (IT) dalam usaha memupuk rasa cinta akan IT.
  - Kurikulum diubah suai dan dibentuk semula agar dapat melahirkan pelajar yang kreatif, dinamis serta berfikiran kritis dan analitis.
5. Usaha tersebut adalah untuk melahirkan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, bermotivasi tinggi dan berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk menyahut cabaran globalisasi.



**Soalan KBAT****Soalan 1: Kepentingan / Manfaat / Faedah / Kebaikan Dasar Luar Malaysia****Politik:**

Kepentingan dasar luar Malaysia ialah berbaik-baik dengan semua negara kerana Anglo–Malaysian Defence Treaty (AMDA) kurang berperanan. Malaysia juga tidak boleh lagi mengharapkan peranan yang dimainkan oleh Britain dalam menjamin keselamatan Malaysia kerana Britain telah mengurangkan pengaruhnya di Timur. Oleh itu Malaysia menjalinkan hubungan baik dengan negara yang mengamalkan ideologi komunis, seperti China. Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdul Razak telah ke Beijing bagi mengadakan hubungan diplomatik.

Malaysia juga berbaik-baik dengan negara serantau melalui ASEAN bagi mengekalkan kestabilan politik seperti mengamalkan dasar Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Perairan Asia Tenggara bebas daripada ancaman nuklear. Malaysia juga berbaik-baik dengan negara-negara Islam dengan menyertai Pertubuhan OIC. Malaysia mendapat hak keistimewaan dari negara Arab dalam urusan jemaah haji ke Makkah. Malaysia juga berjaya mengelakkan daripada ancaman konfrontasi oleh pihak Indonesia setelah mendapat bantuan daripada negara Komanwel.

**Ekonomi:**

Melalui dasar luar, Malaysia berjaya memajukan ekonomi negara. Hal ini disebabkan kemasukan pelabur-pelabur asing telah memajukan bidang perindustrian, cari gali minyak dan pertanian negara. Seterusnya Malaysia mendapat bantuan kepakaran dan teknologi daripada negara maju bagi mempertingkatkan sektor pembuatan dan pembinaan seperti Menara Berkembar Petronas.

Dengan berbaik-baik dengan semua negara Malaysia dapat membangunkan ekonominya dengan sempurna. Barangan komoditi dapat dipasarkan ke negara Asia Barat. Hubungan yang erat menyebabkan Malaysia dikunjungi oleh ramai pelancong. Pengaliran wang asing ke dalam negara dapat menjana ekonomi. Di samping itu, peluang pekerjaan dalam semua sektor semakin meningkat. Aktiviti perdagangan dua hala juga dapat dijalankan dengan negara anggota ASEAN.

**Soial:**

Kepentingan dasar luar Malaysia ialah dapat mewujudkan ketenteraman dan keharmonian dalam kalangan rakyat melalui perjanjian persahabatan dengan negara-negara jiran. Selain itu, dapat menyetengahkan budaya rakyat Malaysia melalui pertukaran kebudayaan. Seterusnya, dasar luar dapat meningkatkan kualiti pendidikan melalui Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dengan negara anggota ASEAN.

Seterusnya kerjasama dalam bidang perubatan dengan negara India dan Ireland dapat melahirkan tenaga pakar dalam bidang perubatan dan meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Malaysia dapat melahirkan angkasawan negara yang pertama iaitu Dr. Sheikh Muzaffar Shukor dengan menggunakan kepakaran dari negara Russia.

Tambahan lagi dengan Dasar Padang Ke Timur, Malaysia dapat mengamalkan budaya orang Jepun yang menepati masa, rajin dan berintergiti yang tinggi dalam kehidupan. Malaysia telah berjaya menganjurkan sukan Komanwel dan Sukan SEA. Penganjuran sukan terbabit dapat mengeratkan hubungan antara negara serta mempromosikan negara Malaysia di peringkat global.

**Soalan 2: Cabaran / Masalah / Rintangan / Ancaman Dasar Luar Malaysia**

Cabaran pertama yang dihadapi oleh negara kita ialah perbezaan ideologi antara negara telah mewujudkan jurang persefahaman yang luas. Contohnya perbezaan ideologi antara negara yang pro Barat dengan ideologi komunis.

Cabaran yang kedua adalah untuk mengekalkan hak kedaulatan negara. Isu persempadanan yang menjadi rebutan antara negara menyebabkan hubungan menjadi renggang. Contohnya isu Pulau Spratly.

Selain itu, Malaysia juga menghadapi cabaran untuk mengekalkan kemajuan dalam bidang ekonomi kerana berlaku kejatuhan nilai mata wang Malaysia menyebabkan negara tidak dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Seterusnya Malaysia menghadapi cabaran dalam menangani masalah kebergantungan kepada pekerja asing terutama dari negara Indonesia, Filipina, dan Bangladesh. Kebanjiran tenaga kerja asing telah menyebabkan peluang rakyat tempatan mendapat pekerjaan terhad.

Cabaran yang terakhir ialah berlakunya kegiatan jenayah yang merentasi sempadan. Contohnya penyalahgunaan dadah. Para pengedar dadah menjadikan Malaysia sebagai negara transit dan dalam kalangan rakyat Malaysia yang menjadi orang upahan atau keldai dadah.

**Soalan 3: Usaha / Langkah / Cara Mengatasi / Menangani Cabaran Dasar Luar Malaysia**

Usaha/ langkah yang boleh dilaksanakan oleh Malaysia untuk mengatasi cabaran tersebut ialah saling menghormati pegangan ideologi setiap negara. Pegangan ideologi yang berbeza tidak menjadi penghalang dalam menjalin kerjasama pelbagai bidang seperti politik, ekonomi dan sosial.

Langkah yang kedua untuk mengatasi cabaran ini ialah negara-negara yang terlibat hendaklah mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh Mahkamah Dunia. Sekiranya semua negara di dunia dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan maka keamanan dunia berjaya diwujudkan.

Seterusnya bagi menghadapi cabaran yang ketiga pula Malaysia perlu mencari medium lain sebagai alat pertukaran untuk berurusan dalam dunia perniagaan dan perdagangan antarabangsa. Medium yang hendak digunakan mestilah tidak dipengaruhi oleh elemen-elemen luaran seperti spekulasi dan kejatuhan harga komoditi negara. Contohnya penggunaan dinar emas.

Bagi menghadapi cabaran keempat, penguatkuasaan undang-undang yang ketat oleh pihak berkuasa perlu dilaksanakan supaya kedatangan dan kebergantungan kepada pekerja asing dapat dikawal. Pihak kerajaan dan majikan perlu mengutamakan rakyat Malaysia untuk memenuhi sektor pekerjaan. Kerajaan boleh mengambil pekerja asing bekerja di sektor yang tidak mengugat keselamatan negara.

Untuk mengatasi cabaran kelima, kerajaan perlu mengadakan kawalan ketat di pintupintu masuk negara serta mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah. Selain itu, Malaysia juga perlu mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkuasa negara-negara lain agar masalah ini dapat diatasi tanpa menjejaskan hubungan dua hala tersebut.

**Soalan 4: Kejayaan / Keberkesanan Yang Dicapai Melalui Dasar Luar Malaysia :**

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi yang berhak menentukan hala tuju masa depannya sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui perkembangan dasar luar Malaysia pada tiga tahap. Pembentukan dasar luar negara secara dinamis telah memastikan negara terus berjaya dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik dan sosial.

Melalui dasar berbaik-baik dengan negara jiran dapat menangani krisis dengan negara – negara jiran seperti konfrontasi Malaysia dengan Indonesia daripada tahun 1963 – 1965 selepas pembentukan Malaysia. Negara berjaya menangani krisis tersebut melalui perjanjian menubuhkan pertubuhan seperti MAHPHILINDO pada tahun 1962 yang melibatkan Malaysia, Philipina dan Indonesia.

Seterusnya, melalui sikap dasar berkecuali Malaysia berjaya menyertai pasukan pendamai di bawah panji-panji PBB untuk menamatkan Perang Saudara di Congo. Hal ini membuktikan kejayaan negara dalam menyelesaikan konflik antarabangsa. Dengan ini dapat mengharumkan nama baik mengeratkan hubungan dengan negara – negara lain seperti hubungan diplomatik dengan Vietnam pada tahun 1976.

Selain itu, melalui dasar berbaik-baik dengan semua, Malaysia dapat membangunkan ekonomi negara. Negara berjaya menarik ramai pelabur asing dengan menjadi ahli Bank Dunia iaitu bank antarabangsa yang ditubuhkan oleh PBB pada tahun 1945. Malaysia telah menggunakan bantuan daripada Bank Dunia untuk menjayakan FELDA dan membangunkan prasarana pendidikan dan penyelidikan. Kerjasama dalam bidang pendidikan dapat dilihat melalui pembinaan RECSAM iaitu Pusat Serantau Sains dan Matematik.

Kesimpulannya, pengubalan dan perkembangan dasar luar negara telah menyebabkan Malaysia mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang hingga kini. Selain dapat mengharumkan negara dapat juga mengekalkan keamanan negara dan dunia. Jika tidak pencapaian tamadun selama ini akan mengalami kemerosotan.

**Soalan 5: Ramalkan/ Andaikan Hala Tuju Dasar Luar Negara Pada Masa Hadapan**

Malaysia akan meneruskan dasar luar negaranya dengan mengekalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira blok Barat atau blok Timur. Malaysia juga akan terus mengekalkan dasar berkecuali dalam hubungan luarnya untuk menjamin kedaulatan negara.

Di samping itu Malaysia meneruskan dasar luarnya dengan mengambil kira kepentingan ekonomi yang berkaitan dengan isu-isu perdagangan, pelaburan dan pembangunan ekonomi. Ini bertujuan untuk menggalakkan kemasukan modal dan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat di negara kita.

Negara kita juga meneruskan Dasar Pandang Ke Timur dengan menjadikan Jepun dan Korea Selatan sebagai model untuk membangunkan negara. Malaysia juga terus komited menjalinkan hubungan luar dengan membentuk jalinan ekonomi di peringkat ASEAN agar dapat berdaya saing di peringkat global.

Malaysia juga akan meningkatkan hubungan bilateral dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Thailand bagi menjaga kepentingan ekonomi dan politik serantau. Begitu juga Malaysia akan terus mengekalkan hubungan dua hala dengan negara Amerika Latin, Afrika, Asia Barat serta negara maju seperti Britain dan Amerika Syarikat.

Malaysia juga akan mengadakan hubungan multilateral dengan Komanwel, OIC, PBB, NAM, demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan sejagat. Semua ini dilakukan melalui misi lawatan pemimpin ke negara-negara tersebut secara rasmi dan berterusan.

Kerajaan Malaysia juga mengadakan misi perdagangan dengan menghantar deligasi perdagangan. Oleh itu, Malaysia menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang mengambil kira kepentingan ekonomi jangka panjang bagi mencapai misi negara maju menjelang tahun 2020.

Dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan dunia kekal aman dan harmoni, Malaysia terus komited menyokong segala dasar dan prinsip PBB bagi menyelesaikan pertikaian secara rundingan dan diplomasi. Malaysia akan terus memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang diceroboh oleh Israel. Malaysia akan terus berperanan dan bersuara untuk menuntut keadilan bagi Negara Dunia Ketiga.

Dalam menjaga kepentingan politik dan keselamatan negara, Malaysia akan meneruskan komitmennya dengan konsep ZOPFAN yang dipersetujui dalam ASEAN. Hal ini menjadikan negara kita sentiasa menjaga hubungan baik dan mesra melalui persidangan Ketua-Ketua Kerajaan atau Menteri-Menteri Luar setiap negara.

### Soalan 6: Dasar Luar Malaysia pada masa kini / Era Dato' Seri Najib Tun Razak

Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak telah menjadi Perdana Menteri Malaysia Ke-6 pada 3 April 2009 menggantikan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Dalam era pemerintahan beliau sebagai Perdana Menteri, beliau telah mengorak langkah ke hadapan dengan menekankan kepada dasar luar yang lebih proaktif dan dinamik berbanding era Tun Abdullah.

Beliau meneruskan dasar luar yang kukuh yang membantu mewujudkan ekonomi yang mantap, dinamik dan mudah pulih. Penekanan diberikan dalam kerjasama serantau, terutama dengan ASEAN, OIC, NAM dan sebagainya. Di samping itu, beliau juga menekankan peri penting dalam menjalinkan hubungan dua hala (diplomasi dua hala) dengan Negara-negara yang merupakan negara *'trading partner'* dengan Malaysia, terutamanya dalam bidang ekonomi, seperti China, Jepun, Singapura, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Dasar Luar Malaysia Era Dato' Seri Najib Tun Razak telah memperlihatkan kesinambungan dasar luar Perdana Menteri sebelumnya, di mana Malaysia masih menekankan pendekatan dasar luar yang proaktif di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, Dato' Seri Najib telah menekankan tentang peri pentingnya mengadakan hubungan dua hala (diplomasi dua hala) dalam pendekatan dasar luar Malaysia. Diplomasi dua hala dikatakan lebih efektif dan telus kerana ianya hanya melibatkan dua negara dalam membincangkan isu-isu yang ada kena mengena di antara kedua-dua negara tersebut. Di samping itu, ia juga dikatakan lebih efektif kerana kurangnya kerenah atau halangan yang boleh membantutkan usaha-usaha ke arah persepakatan dan kerjasama antara dua buah negara yang terlibat.

**Soalan 7: Iktibar Yang Diperoleh Berdasarkan Dasar Luar Malaysia**

Iktibar yang boleh diambil daripada dasar luar Malaysia ialah pemimpin perlu bijak merancang strategi dalam hubungan luar negara dengan menjalinkan hubungan baik dengan negara luar. Hal ini dapat mengekalkan kestabilan politik negara, mengekalkan persefahaman dalam hubungan diplomatik dan dapat mengelakkan krisis antara negara.

Iktibar kepada diri pula, kita harus mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu. Hal ini dapat melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Kita hari ini telah mampu mengeluarkan kereta nasional seperti kereta Proton. Oleh itu dasar luar berbaik dengan semua negara dapat mengukuhkan ekonomi negara melalui pengeksportan barangan siap kita ke negara lain.

Iktibar kepada bangsa ialah kita perlu mengamalkan sikap toleransi kaum supaya negara berada dalam keadaan aman. Kekacauan di negara lain perlu dijadikan iktibar dengan mengukuhkan perpaduan kaum kerana ianya dapat menjamin kemakmuran negara dan mempunyai politik yang stabil. Hal ini dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan membina negara yang maju.

**Soalan 8: Kesimpulan / Rumusan Dasar Luar Malaysia****Pengetahuan yang diperoleh**

Pengetahuan yang diperoleh ialah Malaysia mengambil langkah yang dinamik dalam strategi dasar luarnya bagi memastikan negara dapat terus bersaing dengan negara lain. Selain itu, Malaysia menjadi anggota pertubuhan serantau seperti ASA, MAPHLINDO dan ASEAN. Malaysia juga banyak memberikan sumbangan dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Berdasarkan tajuk yang dibincangkan juga, Malaysia telah bekerjasama dan berperanan penting dalam mewujudkan keamanan sejagat. Dasar luar negara yang menghormati kedaulatan negara lain menyebabkan negara kita dipandang tinggi di mata dunia.

**Nilai-nilai murni dan unsur patriotisme yang diperoleh ke arah kemajuan negara dan bangsa Malaysia**

Nilai-nilai murni yang saya peroleh ialah kita harus mencontohi para pemimpin Malaysia yang memberi sumbangan besar dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa. Melalui dasar luar kita dapat memupuk perpaduan dan toleransi antara negaranegara anggota. Rakyat Malaysia haruslah mengambil iktibar daripada kekacauan dan situasi politik negara lain yang sedang bergolak supaya semua rakyat mengetahui pentingnya memelihara keamanan sejagat.

Unsur patriotisme yang dapat dipupuk pula ialah kita perlu berbangga dengan kepimpinan negara yang mendapat pengiktirafan dunia. Buktinya sumbangan Tun Dr. Mahathir bin Mohamed dihargai oleh pemimpin dalam dan luar negara melalui penganugerahan Hadiah Keamanan NOBEL 2007. Semangat jati diri bangsa Malaysia juga sangat penting ke arah kemajuan negara dan bangsa Malaysia.

**Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia yang cemerlang dan gemilang**

Harapan untuk masa depan negara ialah saya berharap pemimpin negara akan terus menyumbangkan idea dan kepakaran untuk memajukan negara. Saya juga berharap Malaysia akan terus bekerjasama dengan semua negara agar politik dan ekonomi negara terus kukuh. Taraf hidup rakyat yang meningkat akan menyebabkan pembangunan negara semakin pesat.

**Soalan 9: Cadangkan langkah-langkah menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas daripada konflik antarabangsa**

1. Mengamalkan akhlak yang mulia
2. Saling bertolak ansur
3. Menunjukkan teladan yang baik
4. Mengutamakan kesabaran
5. Memiliki kebijaksanaan
6. Mengutamakan perpaduan
7. Mengadakan perundingan
8. Mengadakan perjanjian damai
9. Berbincang secara harmoni
10. Menggunakan diplomasi
11. Menunjukkan sikap persefahaman
12. Mengamalkan sikap berkecuali
13. Mematuhi Piagam PBB
14. Tidak mudah menyerah kalah
15. Melantik orang tengah yang berkecuali
16. Merealisasikan gagasan Satu Malaysia

**Soalan 10: Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan sumbangan Malaysia dalam menjamin keamanan antarabangsa**

1. Menjadi tuan rumah bagi Deklarasi Kuala Lumpur
2. Mengisytiharkan ASEAN sebagai zon aman (ZOPFAN)
3. Menyertai pasukan pengaman PBB /Congo/Naminia/Iran/Iraq/Bosnia
4. Menentang Dasar Apartheid
5. Mengwujudkan kerjasama RESCAM
6. Menjadi ahli gabungan sidang kemuncak ASEAN
7. Menjadi tuan rumah Persidangan Luar Biasa Menteri Luar OIC
8. Menganggotai NAM dan G15
9. Menyertai UNESCO
10. Menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea.
11. Menyelesaikan konflik pembebasan bangsa MORO
12. Mewujudkan MAPHILINDO
13. Menyelesaikan isu Palestin
14. Tuan Rumah CHOGM 1989
15. Menjadi pengerusi perhimpunan agung PBB Majlis Keselamatan PBB 1965/1989/1999
16. Tan Sri Razali Ismail sebagai pengerusi menyelesaikan konflik Myanmar
17. Malaysia menyertai semua pertubuhan antarabangsa memerangi gejala dadah

**Soalan 11: Cadangkan langkah-langkah mengekalkan kesejahteraan, keamanan dan kedamaian dalam negara?**

1. Keluhuran perlembagaan / menghormati undang-undang
2. Menghayati rukun negara / subjek sejarah
3. Dasar kerajaan seperti Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Bahasa kebangsaan, Dasar pendidikan kebangsaan, Dasar kebudayaan kebangsaan
4. Wawasan 2020
5. Konsep 1 Malaysia

**Soalan 12: Penerapan nilai-nilai murni / iktibar / patriotisme daripada perkembangan dasar luar negara kita**

1. Bekerjasama
2. Berbaik-baik dengan negara lain
3. Berani menyatakan pendapat terhadap isu-isu dunia
4. Bertoleransi
5. Bertolak ansur
6. Hormat-menghormati
7. Mengekalkan keamanan
8. Prihatin terhadap perkembangan dunia
9. Mengekalkan keselamatan dan kestabilan politik
10. Berilmu pengetahuan
11. Sedia menerima perubahan
12. Kepentingan memelihara perpaduan

**Soalan 13: Bagaimanakah dasar luar negara kita mampu mengelakkan konflik antarabangsa / Langkah menghalang peperangan?**

1. Berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira idologi.
2. Menghormati kedaulatan negara lain.
3. Tidak mencampuri urusan hal-ehwal dalam negara lain.
4. Menyelesaikan konflik secara rundingan.
5. Mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai aspek.
6. Mangamalkan sikap toleransi.
7. Pengamalan demokrasi.
8. Rasional / Dinamik
9. Menghormati hak asasi manusia.
10. Berpegang teguh kepada piagam PBB.
11. Mengelakkan persaingan senjata.
12. Mengutamakan keamanan dan keharmonian



**Soalan 14: Peperangan Masih berlaku pada hari ini?**

1. Perebutan pulau / kawasan / sempadan
2. Sikap ego kuasa besar
3. Kekuasaan politik
4. Kekuatan senjata
5. Tidak menghormati undang-undang antarabangsa.
6. Perlumbaan senjata

7. Tidak menghormati perjanjian
8. Provokasi terhadap negara lain
9. Keenganan berunding

**Soalan 15: Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan keamanan dunia.**

1. Kuasa veto di PBB
2. PBB kurang berfungsi
3. Persaingan negara-negara barat
4. Tiada toleransi / kompromi
5. Sikap menunjukkan kekuatan

**Soalan 16: Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam menghadapi cabaran globalisasi?**

1. Melahirkan modal insan bersifat yakin dan amanah
2. Merancang pendidikan bersifat masa depan
3. Melaksanakan transformasi pendidikan
4. Mempunyai sifat berdaya saing
5. Menimba ilmu dan kemahiran tinggi
6. Mempertahankan jati diri dengan tegas

**Soalan 17: Langkah / Persediaan untuk menghadapi cabaran globalisasi?**

1. Berilmu pengetahuan
2. Menguasai kemahiran ICT
3. Menguasai pelbagai Bahasa di dunia
4. Berdaya saing tinggi
5. Bersikap kreatif dan Inovatif
6. Setia kepada negara
7. Cinta akan negara
8. Bersikap inkuiri
9. Berani meneroka
10. Berani menghadapi risiko
11. Bijak mencari peluang
12. Menguasai sains dan teknologi
13. Menubuhkan institusi / projek / dialog / seminar
14. Mengubah minda masyarakat
15. Menubuhkan MSC



**Soalan 18: Kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dalam melahirkan masyarakat yang bersedia menghadapi era globalisasi.**

1. Melaksanakan Pelan Transformasi Negara
2. Melaksanakan Dasar Sains dan Teknologi Negara
3. Membina MSC
4. Menyediakan makmal NKRA
5. Kejayaan program angkasawan
6. Kejayaan dalam R & D
7. Rombakan sistem pendidikan kearah KBAT utk mengubah pemikiran pelajar
8. Tumpuan kpd Sains dan Teknologi
9. Mata pelajaran ICT

10. Sekolah Bestari / Wawasan / Kolej Komuniti / Sekolah Vokasional

11. I-Frog

### **Pengenalan Globalisasi:**

Globalisasi merupakan satu proses untuk meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Melalui proses ini, dunia akhirnya tidak lagi mempunyai sempadan dengan ruang udara dan langit sesebuah negara itu terbuka luas untuk dimasuki oleh pelbagai maklumat yang disalurkan menerusi pelbagai perantaraan media komunikasi seperti internet, media elektronik, dan teknologi siber. Perkembangan ini memungkinkan perhubungan di antara sesebuah negara dengan negara yang lain dan perhubungan sesama manusia dapat dilakukan dalam tempoh yang singkat.

Menurut Kamus Dewan globalisasi didefinisikan sebagai fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Manakala cediakawan barat mentakrifkan globalisasi sebagai satu proses kehidupan yang serba luas dan infiniti merangkumi segala aspek kehidupan seperti politik, sosial, dan ekonomi yang boleh dirasakan oleh seluruh umat manusia di dunia ini. Ini bermakna segala-galanya menjadi milik bersama dalam konsep dunia tanpa sempadan.

Dalam era globalisasi ini, dunia semakin dikecilkan ruangnya daripada yang asal. Jika dulu dunia ini seluas saujana mata memandang dan dipagari dengan sempadan-sempadan namun kini ia tidak berlaku lagi. Malah pada hari ini kita telah dapat merasakan apakah dia itu globalisasi. Ledakan teknologi maklumat yang pesat merupakan medium utama kepada agenda globalisasi ini.

Dunia bukan sahaja tidak bersempadan geografi tetapi pengaruh globalisasi menjangkau sempadan ekonomi, teknologi, bahasa, budaya, ideologi, politik dan dari segenap aspek kehidupan sesebuah masyarakat.

Kerajaan Malaysia memberi keutamaan kepada globalisasi ekonomi. Di samping itu, ia memberi perhatian besar kepada globalisasi maklumat dan ilmu dan globalisasi saintifik serta teknologi. Kesungguhan Kerajaan dalam menangani tiga jenis globalisasi ini jelas kelihatan pada berbagai-bagai bentuk wacana di peringkat nasional dan peringkat antarabangsa seperti dialog, seminar, persidangan dan forum dan juga pada penubuhan berbagai-bagai jenis institusi dan projek. Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah simbol harapan serta kemegahan Malaysia dalam menyahut panggilan globalisasi.

### **Globalisasi dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Malaysia**

Secara amnya, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah salah satu bentuk teknologi digital yang semakin berkembang dan digunakan secara meluas dewasa ini diserata dunia. ICT merupakan satu terma yang merujuk kepada semua alat komunikasi atau aplikasi termasuklah radio, televisyen, telefon cellular, komputer dan peranti rangkaian dan software, sistem satelit, termasuk juga pelbagai perkhidmatan dan aplikasi yang berkaitan dengannya seperti video conferencing.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pelbagai usaha telah diambil untuk membangunkan negara berasaskan acuan sendiri dan diterajui oleh bangsa Malaysia sendiri. Sudah pasti, di dalam menelusuri proses pembangunan daripada era pasca kemerdekaan sehingga kini, terdapat pelbagai pendekatan yang telah diambil bagi merealisasikan setiap perancangan yang telah dilakukan. Kemodenan yang dikecapi kini telah banyak dipengaruhi oleh perkembangan ICT

yang berlaku bermula daripada aplikasi teknologi maklumat untuk keperluan pekerjaan sehinggalah kepada peranan teknologi maklumat ke dalam kehidupan seharian.

Keperluan Malaysia dalam mengaplikasikan ICT di dalam pembangunan negara adalah didorong oleh peranan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun dengan berpaksikan sektor ekonomi menerusi perdagangan bebas bersama negara serantau seperti ASEAN dan juga kuasa-kuasa besar ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat, Jepun dan China.

Dengan adanya perhubungan yang menggunakan teknologi maklumat, secara tidak langsung **urusan perniagaan** misalnya dapat dilakukan dengan kadar segera dan juga kos yang amat rendah. Perkembangan pesat di dalam bidang ICT di Malaysia turut menjadi pemangkin kepada **transformasi ekonomi** yang dapat menggerakkan pembangunan negara ke arah menuju sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. ICT telah diterima pakai dalam kerangka pembangunan Malaysia sebagai alat atau jentera yang mampu mendokong pertumbuhan ekonomi Malaysia dan seterusnya berkeupayaan untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup penduduk Malaysia.

Sebagai langkah proaktif, pada tahun 2008, kerajaan telah menubuhkan **National Information Technology Council (NITC)**. Majlis ini berperanan untuk mengkoordinasikan semua perancangan ICT sama ada di peringkat kerajaan mahupun swasta di samping bertindak sebagai badan pemantau, penilai dan menjadi peneraju utama di dalam membangun dan merangka Pelan Teknologi Maklumat Kebangsaan. Perancangan yang dilaksanakan turut mengambil kira segala pelaksanaan yang berkaitan dengan teknologi maklumat yang telah digunapakai oleh kerajaan Malaysia semenjak tahun 1970an lagi. Di samping itu, majlis ini turut bertindak di dalam merangka, membangun dan melaksanakan program-program utama yang bermatlamat untuk mentransformasikan masyarakat Malaysia ke arah '**knowledge based society**'.

Jika diimbau perkembangan ICT di Malaysia, pelaksanaan secara berskala besar sudah mula dilaksanakan seawal era 80an menerusi **Rancangan Malaysia Ke Lima (RMK 5)** daripada tahun 1986-1990. Di sepanjang tempoh tersebut, Kerajaan Malaysia telah mula memberikan keutamaan kepada bidang ICT terutama **menyediakan infrastruktur** di kawasan bandar yang menjadi fokus kepada sektor ekonomi dan seterusnya ke kawasan luar bandar.

Dengan berkembangnya infrastruktur ini, **penubuhan syarikat-syarikat yang berasaskan ICT** yang melibatkan hardware dan software sudah mula bertapak dan secara tidak langsung, peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan kemasukan tenaga-tenaga mahir daripada luar semakin bertambah. Dalam hasrat untuk merealisasikan segala perancangan yang dijanakan, infrastruktur secara fizikal diperlukan sebagai landasan bagi memacu setiap perancangan tersebut.

Pada tahun 1996, mantan Perdana Menteri Malaysia Ke Empat iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan **Multimedia Super Corridor (MSC)** seluas 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang iaitu bermula daripada Menara Berkembar KLCC di Kuala Lumpur sehinggalah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang. Pelaksanaan ini adalah berdasarkan amalan terbaik (best practices) yang telah dilakukan oleh Amerika Syarikat yang dikenali sebagai Silicon Valley. Selain daripada menjadi landasan fizikal kepada pembangunan ICT di Malaysia, MSC turut berperanan mentransformasikan Malaysia ke arah pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan (**knowledge-based economy**)

Menjelang tahun 2020. Terdapat tiga fasa utama pembangunan MSC iaitu fasa pertama (1996-2003) yang memfokuskan kepada merencanakan dan menubuhkan MSC; fasa kedua (2004-2010) iaitu menghubungkan MSC dengan bandar cyber seperti Cyberjaya dan fasa ketiga (2010-2020) iaitu mentransformasikan masyarakat Malaysia ke arah masyarakat berpengatahuan. Di

sepanjang tempoh pembangunan dan pelaksanaan sehingga kini, beberapa inisiatif telah berjaya dihasilkan seperti pelaksanaan Mykad, telemedicine dan e-government.

Langkah untuk mengarusperdanakan ICT ke segenap pelusuk negara diteruskan dengan lebih rancak di **Rancangan Malaysia Kelapan** (RMK-8) yang bermula pada tahun 2001. Usaha terus diperhebat dalam menyediakan landasan yang lebih kukuh bagi membolehkan negara beralih ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Tumpuan diberikan kepada usaha menggalakkan ICT sebagai pemacu strategik bagi menyokong dan menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kualiti hidup penduduk. Pelaburan yang besar telah dibuat untuk **menyedia infrastruktur komunikasi** bagi meningkatkan kebolehcapaian serta menambah baik institusi dan persekitaran kawal selia yang berkaitan. Penekanan yang lebih diberikan kepada usaha meningkatkan tahap penggunaan ICT dalam pelbagai sector ekonomi, antara kawasan bandar dengan luar bandar serta di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Inisiatif yang diambil ini diteruskan pada

**Rancangan Malaysia Ke Sembilan** (RMK 9) yang bermula pada tahun 2006. Perkembangan persekitaran global yang lebih terbuka telah memberi kesan besar kepada usaha meningkatkan pasaran global Malaysia. Memandangkan ICT merupakan antara penentu utama dalam proses pembangunan negara, langkah proaktif telah diambil oleh pihak kerajaan menerusi meningkatkan prasarana yang lebih lengkap dan canggih untuk mengarusperdanakan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan ICT yang lebih menyeluruh.

### **Kesan ICT kepada Malaysia**

Impak positif daripada perkembangan ICT di Malaysia dapat dilihat menerusi kewujudan **masyarakat rangkaian** yang berlaku kepada masyarakat Malaysia. Revolusi yang berlaku telah merubah pengurusan kapitalisme terutamanya daripada aspek kewangan yang mana majoriti aktiviti kewangan kini adalah bersifat global dan dikendalikan **secara elektronik**. Seterusnya, revolusi ini turut memberi kesan kepada masyarakat menerusi penggunaan teknologi maklumat dalam kehidupan seharian yang banyak membantu dan memudahkan urusan seharian manusia. Perubahan yang berlaku ini merupakan satu bentuk transformasi ke atas masyarakat kontemporari di seluruh dunia dan ia dikenali sebagai masyarakat rangkaian. Struktur sosial di dalam masyarakat rangkaian adalah berasaskan kepada rangkaian yang dioperasikan oleh ICT. Rangkaian-rangkaian ini dioperasikan oleh microelectronics dan rangkaian komputer digital yang menghasilkan, memproses dan menyebarkan maklumat berasaskan maklumat yang dikumpul melalui perkongsian pengetahuan di dalam rangkaian. Ia juga merupakan satu bentuk sistem yang menghubungkan antara satu struktur dengan struktur yang lain seperti rangkaian yang berasaskan ekonomi seperti **perniagaan atas talian** dan struktur yang berasaskan sosial seperti Facebook. ICT telah menjadi pemangkin untuk membuatkan proses globalisasi bertambah pantas. Internet dan kemajuan teknologi komunikasi yang lain telah melahirkan dunia maya untuk manusia terus berinteraksi di samping dunia nyata. Masyarakat rangkaian turut dimanifestasikan menerusi transformasi interaksi sosial dalam kehidupan seharian. Dalam konteks interaksi sosial, akibat dari kemajuan ICT ini telah mewujudkan satu bentuk komunikasi yang baru iaitu di panggil **Media Sosial**. Sosial media adalah suatu media untuk interaksi sosial, sebagai superset melampaui komunikasi sosial. Laman jaringan sosial digunakan dengan meluas oleh pelbagai kumpulan pengguna seperti ahli akademik, ahli politik, organisasi korporat, agensi kerajaan, pelajar, dan sebagainya untuk pelbagai tujuan seperti perniagaan, pengajaran dan pembelajaran, ideologi politik, komunikasi,

perhubungan awam dan alat periklanan. Jenis sosial media yang popular digunakan adalah seperti blog, facebook, e-mail, tweeter, sms dan sebagainya. Pada waktu ini seseorang yang sedang berada di Antartika misalnya mampu berkomunikasi secara real time (bersemuka) dengan seorang di Kuala Lumpur melalui perisian Skype yang juga merupakan salah satu jenis sosial media.

Kehidupan yang serba moden kini banyak dipengaruhi oleh peranan sistem ekonomi Malaysia yang efisien di mana ia membolehkan masyarakat menikmati pembangunan dan kekayaan yang dijana. Dengan peranan ICT, sistem ekonomi turut mengalami perubahan di mana **peluang pekerjaan** banyak dibuka dan secara tidak langsung membuka dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia. Internet adalah salah satu cabang di dalam teknologi maklumat yang bertindak sebagai pemangkin kepada sistem ekonomi berasaskan pengetahuan atau dikenali sebagai K-Ekonomi. **K-Ekonomi** adalah satu sistem di mana penghasilan dan pengeksploitasian pengetahuan sebagai satu bahagian yang paling dominan bagi menjana kekayaan. Secara dasarnya, sistem ekonomi ini mempunyai dua prinsip asas iaitu pengetahuan dan ICT. Pengetahuan dalam konteks K-Ekonomi adalah merujuk kepada pengetahuan dan keupayaan menggunakan kreativiti untuk mencipta nilai baru dan kekayaan di mana kekayaan diukur menerusi hasil daripada aplikasi kreatif daripada pengetahuan seseorang manakala ICT bertindak sebagai asas dan pemboleh ubah utama kepada K-Ekonomi. Aplikasi K-Ekonomi turut memberi kesan kepada kedudukan dan nilai pengetahuan dalam masyarakat, sifat produk yang digunakan oleh masyarakat dan penghasilan pekerja berpengetahuan. Dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, asas-asas ekonomi dahulu telah diubahsuai dengan penambahan elemen iaitu pengetahuan. Dalam pertanian yang bercirikan K-Ekonomi sebagai contoh, pengetahuan boleh membantu seseorang petani agar dapat melaksanakan sesuatu **kerja dengan lebih efektif** menerusi penggunaan bahan-bahan tanaman yang bermutu, memperbaiki kaedah penanaman dan meluaskan saluran pemasaran hasil-hasil pertanian. Seterusnya K-Ekonomi mampu untuk menghasilkan pekerja berpengetahuan. Masyarakat dalam sistem K-Ekonomi merupakan sebuah masyarakat yang sentiasa aktif dengan aktiviti pengetahuan dan pembelajaran. Di dalam persekitaran masyarakat yang aktif dengan pengetahuan dan pembelajaran, pengetahuan baru dan aplikasi pengetahuan adalah asas kepada pembangunan ekonomi yang baik dan seterusnya dapat memberi impak kepada aktiviti sosial di dalam masyarakat.

Kemunculan teknologi maklumat turut membawa kesan besar ke atas **penggunaan ruang di bandar**. Permintaan ke atas ruang-ruang perniagaan di bandar semakin berkurang dengan adanya kemudahan perniagaan atas talian yang mampu memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dengan kos yang lebih menjimatkan. Saiz ruang yang diperlukan juga semakin mengecil. Semua urusan dan transaksi dijalankan secara atas talian tanpa had dari segi masa, ruang dan keadaan. Antara contoh perkhidmatan perniagaan atas talian termasuklah '**e-commerce**' dan '**e-banking**'. Melalui kaedah ini, bayaran sewa untuk ruang perniagaan dibandar dapat dibayar pada kadar yang minimum seterusnya mengurangkan kos pengeluaran. Ianya juga disokong oleh sistem pasaran bebas ketika ini yang membenarkan sesiapa sahaja untuk bersaing di dalam pasaran global.

Globalisasi adalah suatu penyatuan masyarakat dunia dari segi gaya hidup, orientasi, dan budaya. Ledakan budaya hasil daripada proses globalisasi telah mewujudkan perubahan yang drastik dalam pemikiran, amalan, cara hidup, hasil karya, akal budi, kelakuan, penciptaan, kebendaan, kehidupan, dan banyak lagi dalam kalangan masyarakat. Globalisasi bukan sahaja membawa pembaharuan dalam bidang perolehan maklumat dan pengetahuan melalui ICT akan

tetapi telah menjadi medan untuk pihak **Barat mengeksport keluar budaya hidup mereka** seperti budaya hedonisme, sekularisme dan religious-pluralisme yang bukan merupakan budaya kita. Dari segi bahasa, era ICT telah menjadikan **bahasa Inggeris berkembang** secara pesat dan di gunakan secara global dalam urusan seharian baik di peringkat global dan lokal. Ini kerana bagi mengendalikan urusan-urusan melibatkan ICT, ianya banyak dikendalikan dalam penggunaan bahasa Inggeris. Fenomena ini melanda masyarakat di peringkat global terutama berikutan dengan pesatnya pembangunan teknologi ICT. Gelombang budaya popular yang berkembang secara global itu didapati memainkan peranan yang semakin penting bukan sahaja dari segi pengaruh budaya, malahan turut berperanan dalam membawa pembangunan ekonomi, teknologi dan seterusnya dalam menyalurkan ideologi negara-negara maju ke paras global.

Generasi muda khasnya kerap kali **memandang rendah terhadap warisan budaya** rakyat berbanding dengan budaya popular moden. Warisan tradisi itu dianggap mempunyai nilai-nilai yang rendah dan kurang fungsi dalam masyarakat moden. Sebaliknya penghasilan seni popular terutama dari negara-negara maju diberikan nilai tinggi. Nilai-nilai sosial demikian dipengaruhi oleh budaya barat melalui media massa serta teknologi ICT ini telah dapat diterima secara meluas oleh penduduk negara ini. **Barang-barang yang diimport** dari negara-negara maju, terutama dari barat sentiasa diberi nilai tinggi. Berikutan dengan ini maka barang-barang yang diimport selalu berharga lebih tinggi berbanding dengan barang-barang tempatan.

Dalam keghairahan untuk mengejar **gaya hidup global** yang ditandai oleh pelbagai ciri kehidupan barat, anak-anak muda kita secara umumnya kini sudah tidak merasa bersalah untuk meniru secara bulat budaya hidup barat. Kita dapat saksikan globalisasi budaya ini dalam pelbagai bentuk kehidupan golongan belia. Pengamatan yang jelas dapat membuktikan fenomena di atas boleh disaksikan dengan insiden-insiden dan trend berikut:

- Pakaian jenama barat.
- Makanan segera keluaran barat.
- Minuman global yang ditaja oleh barat.
- Hiburan yang menonjolkan budaya barat.
- Media barat yang semakin membanjiri masyarakat muda.
- Rekreasi yang meniru ala barat.
- Dunia lakonan dan pembikinan filem cara barat
- Majlis-majlis sosial yang menonjolkan acara-acara ala barat.
- Produk rokok yang menajakan budaya hidup barat.



Sistem pendidikan akan terus berkembang maju dengan adanya internet. **Pendidikan jarak jauh** dapat dilaksanakan dengan berkesan sama ada di dalam atau di luar negeri. Pendidikan bertaraf dunia dapat diwujudkan di Malaysia dalam era globalisasi. Pendedahan pelbagai maklumat kepada rakyat Malaysia seperti bidang perubatan yang dapat memberikan maklumat berkenaan makanan berkhasiat dan senaman yang betul. Ilmu-ilmu ini menjadikan **rakyat Malaysia berilmu pengetahuan** yang luas. Globalisasi juga telah mendatangkan ledakan maklumat yang telah membawa kepada beberapa bentuk pemikiran Barat yang bercanggah dengan pegangan Islam yang dianuti oleh majoriti penduduk Malaysia. Sebagai contoh idea-idea post-modernisme, deconstructionalisme dan sebagainya, yang menular masuk melalui dasar langit terbuka. Era

teknologi siber juga telah berubah **pendekatan pembelajaran** yang mana pembelajaran secara tidak formal ini sedikit demi sedikit akan mengubah peranan pengajar seperti guru, pensyarah dan sebagainya. Teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang bersifat 'langit terbuka' melalui perisian multimedia, internet, e-mel, audio-video, tele conferencing dan sebagainya. Para pendidik masa kini perlu menguasai sekurang-kurangnya dalam kemahiran generik iaitu seperti kemahiran pemudahcaraan, kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan reflektif, kemahiran belajar, kemahiran mentaksirkan dan menilai dan kemahiran infotek

### **Kesimpulan Globalisasi**

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa ICT merupakan pemangkin utama di dalam globalisasi. Perkembangan ICT secara tidak langsung banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat Malaysia masa kini. Ia merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan memandangkan negara kita amat memerlukan ICT sebagai salah satu asas kepada pembangunan negara. Pengaruh ICT dalam kehidupan telah menjadi sebahagian daripada kehidupan moden kini yang akan terus meningkat penggunaan dan pengaruhnya dari masa ke semasa. Pengaruh ini dalam masyarakat telah melampaui segenap aspek kehidupan iaitu bermula daripada pengaruh ICT kepada sistem ekonomi sehinggalah kepada pengaruhnya terhadap budaya dan nilai dalam masyarakat.

ICT telah menjadi pemangkin kepada perubahan dalam sistem ekonomi global. Sistem ekonomi yang dikenali sebagai K-Ekonomi telah menjadi sistem yang tidak dapat dielakkan kini. Terdapat perubahan ketara terutamanya berkaitan jurang digital dan kedudukan nilai pengetahuan dalam komuniti memandangkan tidak semua lapisan masyarakat mampu untuk mendapatkan perkhidmatan internet misalnya kerana kos yang tinggi dan akses kepada isyarat yang terhad terutama mereka yang tinggal di luar bandar. Seharusnya, masyarakat mengambil kesempatan di atas sumbangan positif yang dapat dijana daripada pembangunan ICT yang dilakukan. Pihak berkuasa juga perlu lebih proaktif di dalam menyediakan prosedur dan peraturan bagi memantau perkembangan teknologi maklumat agar masyarakat tidak bebas untuk menyalahgunakan kemudahan yang disediakan.

